

'Tiada keperluan ringgit didagang'

BH-27/5/2007

SINGAPURA: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata Malaysia tidak melihat sebarang alasan khusus pada masa ini untuk membenarkan dagangan ringgit pada peringkat antarabangsa.

"Saya berasa ia bukan sesuatu diinginkan," katanya dalam temu bual dengan CNBC Asia, yang ke udara semalam.

"Orang ramai melihat Malaysia dari segi prospek pertumbuhan. Jika kita bercakap mengenai bursa saham, saya berasa mereka amat yakin dengan bursa saham, jadi, banyak peningkatan yang boleh diperolehi."

"Oleh itu, keperluan untuk menjadikan ringgit sebagai mata wang antarabangsa belum ada lagi, tetapi kita akan sentiasa memantau keadaannya," katanya dalam rancangan *CNBC Conversations* yang dikendalikan Martin Song.

Najib memberitahu *CNBC Asia*: "Jika anda seorang pelabur, seorang pelabur langsung asing, anda boleh melabur di Malaysia, anda boleh menghantar pulang keuntungan atau

dividen tanpa sebarang sekatan.

"Jika anda seorang pelabur portfolio, anda boleh datang dan melabur dalam pasaran saham kami tanpa sebarang halangan, anda boleh jual atau keluar bila-bila masa anda suka. Secara wajarnya, dari segi ekonomi negara, kami agak gembira dengan keadaan semasa.

"Saya kira kita perlu bezakan antara ringgit digunakan untuk pelaburan produktif dan ringgit sebagai sumber spekulasi dan seperti anda tahu, memori mengenai kegawatan kewangan masih lagi terpahat dalam minda kami, jadi kami perlulah bertindak dengan berhati-hati."

Beliau berkata, jika Malaysia berasa lebih yakin pada masa akan datang, ringgit boleh menjadi mata wang antarabangsa.

Najib turut ditanya Song, mengenai nilai ringgit dan sama ada ia 'agak kukuh' yang mungkin boleh menjejaskan daya saing eksport Malaysia.

"Tidak, saya rasa tidak mungkin. Saya fikir paras sebenar ringgit adalah tinggi," kata Najib, sambil me-

nambah yang peningkatan itu bagaimanapun, tidak sepatutnya berlaku dalam tempoh paling singkat, tetapi lebih baik secara berperingkat-peringkat.

Ringgit ditetapkan pada RM3.80 untuk satu dolar AS apabila kerajaan melaksanakan kawalan modal pada September 1998 untuk menangkis spekulator mata wang ketika krisis kewangan Asia. Penetapan itu kemudian dimansuhkan pada Julai 2005.

Sejak pemansuhan itu, nilai ringgit meningkat berbanding dolar AS. Pada penutup Jumaat, ringgit dinia-gakan pada 3.3905/3925 berbanding dolar AS.

Ditanya sama ada dengan ekonomi Malaysia yang berkembang pesat, sudah tiba masanya Malaysia mengadakan pilihan raya, Najib berkata: "Kami bersedia bila-bila masa saja Perdana Menteri mahu mengadakan pilihan raya.

"Tetapi, kami masih ada masa dan kami mahu menjangkau seramai orang yang mungkin dari segi kesan projek dan program di bawah Ran-

cangan Malaysia Kesembilan."

Dalam temu bual 30 minit itu, Najib turut ditanya pelbagai isu termasuk Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), kawasan pertumbuhan baru berkeluasan 2,217 km persegi di selatan Johor, menghadap Singapura.

Najib berkata, hasrat kerajaan ialah mewujudkan kawasan yang rancak dan menyenangkan. (Ia sudah menarik minat ramai pelabur dari pelbagai bahagian dunia termasuk Timur Tengah, Jepun dan China).

Selatan Johor dan Singapura, katanya, saling lengkap melengkapi dan terdapatnya tahap integrasi yang tinggi antara kedua-dua ekonomi.

"Singapura amat maju, tetapi ia akan jadi lebih mahal, maka sedikit sebanyak pelaburan seumpama itu yang boleh dilakukan di luar berpindah ke selatan Johor," katanya.

Malaysia turut mensasarkan Timur Tengah kerana ia percaya terdapat banyak lebihan modal di rantau itu 'yang memerlukan tempat pelaburan' dan WPI boleh jadi satu daripadanya. - Bernama